

PENGENALAN ILMU QIRAAT oleh Mohd Rahim Jusoh Musa dan Abu Hamid Ramlan. 2019. Pustaka Khodim al-Mushaf: Kuala Lumpur. Halaman 454. ISBN 978-983-436-53-6.

Penulisan buku Pengenalan Ilmu Qiraat oleh Mohd Rahim Jusoh Musa dan Abu Hamid Ramlan adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada ahli al-Quran sekurang-kurangnya 50% daripada ilmu *al-dirayah* dalam bidang qiraat. Buku terbitan 2019 ini adalah cetakan ketiga yang telah dikemaskini dari cetakan sebelumnya. Mohd Rahim Jusoh merupakan mantan pensyarah CELPAD di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah meninggal dunia pada 5 Oktober 2021, manakala Abu Hamid merupakan guru dalam bidang al-Quran dan al-Qiraat. Mohd Rahim Jusoh sangat dikenali ramai kerana telah menulis beberapa buku berkaitan ilmu qiraat dalam Bahasa Melayu seperti *Qiraat Sepuluh Surah al-Fatihah & ad-Duha hinggakan an-Nas*, dan *Usul & Farsy Qiraat Asim bin Abi an-Najjud*. Buku-buku beliau digunapakai oleh ramai individu terutamanya pelajar-pelajar jurusan ilmu qiraat. Buku Pengenalan Ilmu Qiraat ini berbentuk ilmiah dan sumber-sumber penulisannya diambil dari kitab-kitab utama dalam bidang qiraat.

Melihat kepada pembahagian isi kandungan, penulis membahagikan kepada lima bab besar dalam buku ini. Walau bagaimanapun, kelima-lima bab ini tidak diberikan tajuk khusus. Hanya dinamakan Bab Pertama, Bab Kedua, Bab Ketiga, Bab Keempat dan Bab Kelima. Bab Pertama bermula dari muka surat 3 hingga 56, Bab Kedua muka surat 57 hingga 120, Bab Ketiga muka surat 121 hingga 238, Bab Keempat muka surat 239 hingga 336 dan Bab Kelima muka surat 337 hingga 452. Menurut penulis, pengetahuan masyarakat masa kini terhadap ilmu qiraat terbahagi kepada empat golongan iaitu:

- (i) Golongan yang tiada sedikit maklumat pun tentang ilmu qiraat, dan golongan ini adalah paling ramai dalam kalangan kita.
- (ii) Golongan yang mempunyai pengetahuan tidak jelas tentang ilmu qiraat, dan majoriti mereka terdiri daripada orang-orang terpelajar.
- (iii) Golongan yang mempunyai sedikit maklumat tentang ilmu qiraat, tetapi tidak mampu untuk membicarakannya, dan majoriti mereka terdiri daripada guru agama.
- (iv) Golongan yang mempelajari ilmu qiraat malah mampu memberi kefahaman kepada golongan yang lain, dan mereka adalah terdiri daripada guru-guru qiraat.

Intipati Bab Pertama membincangkan pengenalan kepada ilmu qiraat. Ilmu qiraat dianggap asing oleh masyarakat Melayu kerana ia tidak dimasyhurkan di negara ini. Asas-asas utama diperkenalkan seperti sumber ilmu qiraat, definisi ilmu qiraat, al-Qari dan al-Muqri' dan syarat serta sifat untuk menjadi seorang al-Muqri'. Ilmu qiraat bermaksud perbincangan tentang sebutan kalimah-kalimah al-Quran dan keadaan kalimah tersebut seperti panjang, pendek, ibdal, tashil dan sebagainya. Antara faedah ilmu qiraat adalah untuk memelihara sebutan kalimah-kalimah al-Quran daripada tersalah dan terpesong. Ilmu qiraat juga menjadi hujah kepada fuqaha' ketika mengistinbat hukum-hukum syarak. Ilmu qiraat telah wujud bermula sejak turunnya al-Quran, tetapi masih belum diamalkan kerana kaum Arab ketika itu masih belum beriman dan al-Quran juga belum tersebar luas kepada beberapa lahjah Arab selain daripada lahjah Quraish. Bacaan al-Quran dan al-Qiraat adalah bersifat tauqifiyyah bukan ijthadiyyah, iaitu semuanya datang daripada Allah SWT dan bukannya dibaca melalui kebijaksanaan Bahasa Arab atau secara qias.

Seterusnya penulis membincangkan perbezaan di antara al-Quran dan al-Qiraat. Penulis turut membawa beberapa hadis yang membuktikan kewujudan qiraat. Antara faedah yang diperolehi daripada hadis-hadis tersebut adalah membuktikan ilmu qiraat bersumberkan Rasulullah SAW dan bagindalah yang mengajarkan setiap bacaan tersebut kepada para sahabat RA. Topik huruf sab‘ah juga disertakan dalam bab ini secara panjang lebar bermula dari muka surat 37 hingga 51. Menurut Imam Ibn al-Jazari, huruf sab‘ah terjadi adalah untuk:

- (i) Memberi keringanan kepada umat Rasulullah SAW
- (ii) Tidak membebankan umat baginda
- (iii) Menjadi kemuliaan umat baginda
- (iv) Meluaskan kelebihan al-Quran
- (v) Satu rahmat dari al-Quran
- (vi) Membuktikan kehebatan al-Quran
- (vii) Memakbulkan permintaan baginda.

Bab Kedua membawa para pembaca mengenal ilmu qiraat secara lebih mendalam dan terperinci. Antara topik yang dibincangkan adalah rukun Qiraat Sahihah. Para qurra' bersepakat bahawa Qiraat Sahihah mempunyai tiga rukun iaitu menepati wajah ilmu nahu, menepati salah satu penulisan Rasm Uthmani dan sanad yang sahih. Sekiranya sesuatu qiraat itu tidak menepati salah satu daripada tiga rukun ini, maka ia dinamakan Qiraat Syaazah. Seterusnya bab ini membincangkan topik Qiraat Syaazah seperti imam dan rawinya, serta kisah-kisah periwayatannya. Imam Qiraat Syaazah hanya empat orang sahaja iaitu Imam Ibn Muhaisin, Imam Yahya al-Yazidi, Imam Hasan al-Basri dan Imam al-A'mash. Qiraat Syaazah tidak boleh dijadikan sebagai ibadat atau pun amalan pembacaan.

Kemudian penulis melanjutkan perbincangan terhadap salah satu rukun Qiraat Sahihah iaitu mengenai Mashaf Uthmani dan kepentingannya. Penulisan Mashaf Uthmani telah diketuai oleh Zaid bin Thabit. Antara kepentingan Mashaf Uthmani adalah untuk menyatukan umat Islam dengan bacaan al-Quran yang sahih datang dari Rasulullah SAW. Ia juga untuk menghalang Qiraat Syaazah daripada tersebar dan diriwayatkan. Di akhir bab, beberapa hukum dibawa untuk meningkatkan pemahaman pembaca seperti hukum membaca Qiraat Sepuluh Mutawatirah, hukum mencampuri qiraat dalam satu bacaan, hukum *mentafdhilkan* (melebihkan) di antara qiraat dan hukum mengingkari qiraat mutawatirah. Penulis menukilkan kata-kata Imam al-Sakhawi berkenaan hukum mencampuri qiraat dalam satu bacaan iaitu: "Mencampuri qiraat antara satu sama lain adalah salah". Penulis juga membawakan kisah Imam Abu 'Amru al-Dani yang menerima pelbagai jenis qiraat tetapi beliau mengajar kepada anak muridnya mengikut riwayat dan sanad yang diambil daripada guru beliau tanpa melakukan percampuran. Ini jelas menunjukkan hukum mencampuri qiraat antara satu sama lain adalah tidak dibenarkan.

Melalui Bab Ketiga, penulis memulakan dengan sejarah pengumpulan ilmu qiraat. Penulis bijak mengatur input dengan menterjemahkan fakta-fakta ke dalam bentuk jadual dan gambar rajah. Jadual dan gambar rajah mampu meningkatkan minat dan kefahaman para pembaca. Sejarah pengumpulan ilmu qiraat bermula sekitar tahun 200 Hijrah apabila Abu 'Ubaid al-Qasim bin Salam telah menjadi individu pertama yang mengumpulkan ilmu qiraat. Abad ke 6 dan ke 8 telah melahirkan dua tokoh qurra' yang utama iaitu Imam al-Shatibi dan Imam Ibn al-Jazari. Ilmu qiraat

dilihat hanya berkembang pesat pada abad pertama hingga kedua sahaja, manakala abad-abad seterusnya perkembangan ilmu qiraat semakin menurun dan merosot.

Seterusnya penulis menyenaraikan nama-nama qurra' daripada kalangan sahabat, tabi'in, qurra' Madinah, Mekah, Kufah, Basrah dan Syam. Antara qurra' daripada kalangan sahabat adalah empat orang khulafa' al-Rasyidin, Ubai bin Kaab, Zaid bin Thabit dan Abdullah bin Mas'ud. Manakala antara qurra' daripada kalangan tabi'in adalah Umar bin Abdul Aziz, Abu Abdul Rahman al-Sulami, Hasan al-Basri dan Zir bin Hubaish. Penulis juga memberi senarai nama guru (syeikh) dan murid kepada Imam Qiraat Sepuluh, serta senarai *turuq* Qiraat Sepuluh yang diperolehi dari kitab *al-Nashr fi Qira'at al-'Ashr*. Di akhir bab, penulis menyenaraikan sebahagian kitab-kitab yang digunakan oleh Imam Ibn al-Jazari ketika membahaskan qiraat dan *turuqnya* di dalam kitab *al-Nashr fi Qiraat al-'Ashr*.

Bab Keempat dimulakan dengan menyatakan tajwid sebagai salah satu cabang daripada ilmu qiraat. Masih ramai yang tersilap apabila menyangka bahawa ilmu tajwid dan qiraat adalah dua bidang yang berbeza. Seterusnya penulis membawakan topik penting iaitu berkaitan sanad mempelajari al-Quran. Antara yang dibincangkan adalah cara penerimaan sanad, kekuatan sanad, sanad para qurra', sanad Imam Ibn al-Jazari dan sanad bacaan qiraat Imam Sepuluh. Bacaan al-Quran bersanad mestilah dilaksanakan dengan kaedah *talaqqi* secara *mushafahah*. Pelajar akan bertemu guru untuk memperdengarkan bacaan dan akan ditegur oleh guru sekiranya berlaku kesilapan. Kaedah *talaqqi* secara *mushafahah* ini digunakan turun-temurun setiap generasi daripada Rasulullah SAW hinggalah zaman kini. Penulis juga memberi peringatan agar masyarakat tidak mengejar sanad sehingga mengabaikan tuntutan membaca al-Quran dengan betul.

Selain itu, penulis turut menambah berkaitan Qiraat Syaazah yang telah dibincangkan dalam Bab Kedua. Topik Qiraat Syaazah yang dibawa adalah mengenai kitab rujukan Qiraat Syaazah, hukum membacanya dan sejarah kemunculannya. Hukum membaca Qiraat Syaazah adalah haram jika pembaca beriktihad bahawa ia adalah sebahagian daripada al-Quran. Ada pun mempelajari dan mengajar Qiraat Syaazah secara teori adalah dibolehkan kerana ia memainkan peranan penting dalam ilmu tafsir dan ilmu fiqh. Bab ini turut membawakan pengenalan kepada dua tokoh utama dalam bidang qiraat iaitu Imam al-Shatibi dan Imam Ibn al-Jazari. Imam al-Shatibi (538H – 590H) merupakan qurra' yang memasyhurkan Qiraat Tujuh dengan mencipta matan al-Shatibiyyah. Manakala Imam Ibn al-Jazari (751H – 833H) pula merupakan qurra' yang memasyhurkan Qiraat Sepuluh dengan mencipta matan Toyyibah. Sebagai tambahan, penulis juga membawakan beberapa contoh qiraat yang memberi kesan terhadap ilmu tafsir. Bukan sekadar Qiraat Mutawatirah, bahkan Qiraat Syaazah juga memainkan peranan yang penting dalam ilmu tafsir.

Bab Kelima merupakan bab terakhir dalam buku ini. Di awal bab, penulis membawakan pengenalan kepada Imam-imam Qurra' yang sepuluh berserta jalur sanad mereka sampai kepada Rasulullah SAW. Sepuluh imam tersebut adalah Imam Nafi', Imam Ibn Kathir, Imam Abu 'Amru, Imam Ibn 'Amir, Imam 'Asim, Imam Hamzah, Imam al-Kisa'i, Imam Abu Ja'far, Imam Ya'qub dan Imam Khalaf. Carta-carta sanad diambil dari kitab *Asanid al-Qurra' al-'Asharah wa Ruwatihim al-Bararah* yang dikarang oleh al-Sayyid Ahmad Abdul Rahim. Sebagai contoh sanad riwayat Hafs, diambil dari Imam Asim melalui Zir bin Hubaish melalui tiga orang sahabat iaitu

Saidina Uthman, Saidina Ali dan Abdullah ibn Mas'ud dan akhirnya bersambung dengan Rasulullah SAW.

Seterusnya penulis memberikan sedikit maklumat berkaitan ilmu al-Tahrirat seperti faedahnya dan contoh matan al-Tahrirat. Ilmu al-Tahrirat adalah satu proses untuk menapis setiap wajah bacaan yang wujud pada *turuq* qiraat supaya tidak bercampur. Faedah ilmu al-Tahrirat adalah untuk mengelakkan berlaku percampuran bacaan, membezakan perkara yang harus atau sebaliknya, dan menjelaskan perkara yang tiada dalam matan al-Shatibiyyah atau Toyyibah. Antara kitab ilmu al-Tahrirat adalah *Fath al-Karim fi Tahrir Awjuh al-Quran al-Karim* karangan al-'Allamah Muhammad Mutawalli dan *Mukhtasar Bulugh al-Amniyyah 'ala Nazm Tahrir Masail al-Shatibiyyah* karangan Syeikh Ali Muhammad al-Dhabba'. Penulis mengakhiri bab dengan menyenaraikan kod dan *rumuz* bagi Qiraat Sepuluh iaitu termasuk matan al-Shatibiyyah, matan al-Durrah dan matan Toyyibah. *Rumuz* dalam ilmu qiraat amat penting untuk diingat dan dihafaz supaya tidak terkeliru atau tersilap ketika membahaskan matan-matan qiraat.

Buku ini mampu menarik perhatian pembaca kerana disajikan dengan gambar rajah, carta dan jadual yang mana ia mampu meningkatkan kefahaman para pembaca. Perkara yang penting atau fakta-fakta juga diwarnakan supaya fokus penulisan dapat diketahui. Buku ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Melayu di Malaysia kerana menyajikan pengajian ilmu qiraat dalam Bahasa Melayu. Hal ini sekaligus memberi peluang kepada individu yang tidak mampu membaca kitab Arab untuk mengenali asas-asas dalam ilmu qiraat. Walau bagaimanapun, sedikit perkara yang boleh ditambahbaik untuk buku ini adalah tertib susunan bab. Sebagai contoh, topik Qiraat Syaazah terletak di muka surat 78-96 dan 256-265. Topik kemunculan ilmu qiraat terletak di muka surat 18-20 dan 121-129. Topik tokoh-tokoh qurra' terletak di muka surat 76-77, 186-232 dan 319-424. Topik tajwid di muka surat 239-240 dan 288-298. Penyusunan bab dilihat boleh ditambahbaik bagi memudahkan para pembaca menelusuri buku secara tersusun mengikut turutan.

Secara keseluruhannya, buku Pengenalan Ilmu Qiraat ini digalakkan untuk dibeli dan dimiliki bagi sesiapa yang ingin menambah kefahaman dalam ilmu qiraat. Penulis layak diberikan pujian kerana menggunakan sumber-sumber klasik dan turath sepanjang penulisan buku ini. Hal ini sekaligus membolehkan para pembaca mengenali sumber-sumber klasik dalam pengajian ilmu qiraat. Buku ini juga sesuai dijadikan rujukan untuk pelajar dan pengkaji dalam bidang qiraat. Para pelajar jurusan qiraat disarankan untuk menjadikan buku ini sebagai koleksi bacaan. Buku setebal 454 muka surat ini pastinya mengandungi pelbagai ilmu dan maklumat untuk dimanfaatkan.

Mohamad Redha Mohamad

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor